

08 SEP 2002

SUKMA: SELANGOR DAPAT EMAS BOLING

KOTA KINABALU, 8 Sept (Bernama) -- Selangor akhirnya berjaya mendapatkan pingat emas acara boling melalui pasukan trio wanita dan lelaki pada Sukan Malaysia (Sukma) Kesembilan di sini hari ini.

Pada Sukma sebelum ini di Pulau Pinang, Selangor tidak memenangi sebarang pingat emas.

Pasukan trio wanita membuat 3,459 jatuhan pin, manakala trio lelaki 3,683 jatuhan pin.

Lim Jiachyi, mencatat mata terbanyak bagi trio wanita selepas mengekori pasukan Pulau Pinang pada tiga permainan pertama.

Perak mendapat perak manakala Pulau Pinang gangsa.

Pasukan lelaki Selangor pula mendapat kemenangan mudah dengan mendahului pada tiga permainan pertama.

Pingat perak dimenangi pasukan MSSM, manakala gangsa Sabah.

-- BERNAMA

MK ZB

08/09/2002 20-13ST

aab bns

Rogol-Filipina/I

HAK MANGSA ROGOL PERLU DILINDUNGI, KATA OPLE

MANILA, 8 Sept (Bernama) -- Kerajaan Filipina akan melindungi hak mangsa berumur 13 tahun yang didakwa mengalami penderaan seksual ketika ia memenuhi permintaan polis Malaysia untuk mengadakan bukti bagi menyokong dakwaan kanak-kanak berkenaan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina Blas Ople berkata beliau akan bertemu pegawai kehakiman tidak lama lagi bagi membincangkan kes kank-kanak berkenaan, salah seorang rakyat Filipina yang dihantar balik dari Sabah.

Beliau berkata beliau juga akan mengemukakan reaksi kerajaan Filipina terhadap permintaan polis Malaysia untuk membawa mangsa balik ke Malaysia bagi membolehkan dia mengenali identiti lelaki yang didakwa merogolnya semasa berada di pusat tahanan imigresen di Kota Kota Kinabalu.

"Hak kemanusiaan dan keadaan emosi kanak-kanak itu adalah paling penting kepada kami dan sebab itulah kami hendak menilai apa yang terbaik bagi kami untuk memenuhi permintaan pihak berkuasa Malaysia itu," kata Ople.

Ople berkata kedutaan Filipina di Kuala Lumpur akan mendapatkan peguam yang mahir dalam kes penderaan seksual bagi mewakili mangsa semasa siasatan berjalan.

-- LAGI

ALJ MAM HM

08/09/2002 20-17ST

aab bns

Rogol-Filipina 2 Manila

HAK MANGSA ROGOL PERLU DILINDUNGI - 2

Beliau menyifatkan keadaan kanak-kanak itu yang kini di bawah jagaan pekerja kebajikan masyarakat sebagai dalam keadaan mendukacitakan.

Ople berkata beliau sedang menimbangkan satu pilihan iaitu di sebalik hadir di Malaysia, pengakuan di dalam pita video oleh kanak-kanak berkenaan

mungkin perlu dihantar kepada polis Malaysia, beserta pengesahan yang betul oleh kedutaan Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah pun mengarahkan satu siasatan yang segera dan menyeluruh terhadap dakwaan rogol itu.

Arahan itu dibuat selepas menerima surat daripada Presiden Gloria Arroyo yang menyatakan perasaan marah berhubung dakwaan penderaan itu sementara bantahan diplomatik kedua dibuat oleh Ople dengan kedutaan Malaysia mengenai kejadian berkenaan.

Dr Mahathir turut meyakinkan kerajaan Filipina bahawa penjenayah kes itu akan dihukum sebaik sahaja didapati bersalah di bawah undang-undang Malaysia.

Kenyataan itu turut berkata pegawai kedutaan Filipina di Kuala Lumpur telah pun diberi penerangan oleh polis Malaysia berkaitan butiran bukti yang diperlukan dalam sesuatu kes rogol di bawah sistem perundangan Malaysia.

Ia berkata Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Salleh Mat Som telah memberitahu kedutaan bahawa beliau telah mengarahkan ACP Takbir Ahmad untuk mengetuai pasukan penyiasat ke Sabah.

Pegawai Polis Diraja Malaysia telah memohon kerjasama kerajaan Filipina dalam siasatan mereka terutama dalam mengambil keterangan mangsa, mengadakan pemeriksaan perubatan ke atas mangsa, mengenal pasti penjenayah dan jika boleh memudahkan kehadiran kanak-kanak itu di tempat kejadian.

Ia berkata Salleh menjelaskan walaupun pasukan yang diketuai Takbir itu boleh mengambil pengakuan kanak-kanak itu di Bandaraya Zamboanga, kes itu mempunyai peluang lebih baik di bawah sistem perundangan Malaysia, sekiranya mangsa dapat kembali ke Sabah.

"Apa yang mereka katakan ialah peluang untuk mendapatkan petualang itu dan memenjarakannya adalah lebih baik, sekiranya mereka dapat bercakap dengan kanak-kanak itu, mendapatkan laporan perubatan yang betul dan menemani kanak-kanak ke tempat kejadian bagi membolehkannya mengenali identiti orang yang merogolnya," kata Ople.

Polis Malaysia turut memberi jaminan kepada kedutaan Filipina bahawa mereka berazam memenjarakan penjenayah itu.

Kenyataan itu turut menyebut bahawa Salleh dan pihak berkuasa polis lain telah mengumumkan rancangan kerajaan Malaysia untuk mewujudkan Pusat Krisis Mangsa (VCC) yang akan mula beroperasi sebelum akhir tahun ini.

Pusat itu bertujuan menyediakan mangsa dengan suasana baik dan selesa beserta penjagaan khas kepada kanak-kanak dan mangsa trauma.

Polis Malaysia juga berikrar tidak akan melindungi sesiapa yang mempunyai kaitan dengan pencabulan kanak-kanak Filipina berumur 13 tahun itu, kata Ople.

-- BERNAMA

ALJ MAM HM